

'Tak perlu kempen pemilihan Umno'

Oleh Ahmad Ghazali Musa
dan Rosli Abd Jalil

PEKAN: Datuk Seri Najib Razak meminta ahli Umno yang berkempen untuk mendapat tempat dalam pemilihan parti, supaya menghentikan perbuatan itu berikutan keputusan Majlis Tertinggi (MT) menangguhkan pemilihan sehingga selepas pilihan raya umum akan datang.

Sambil mengakui wujud unsur berkempen pada peringkat bawah, Timbalan Presiden Umno berkata, tiada lagi keperluan berbuat demikian kerana pemilihan hanya diadakan selepas pilihan raya umum.

"Tak guna nak kempen kerana tiada pemilihan tahun depan... habiskan beras aje, jadi ia (kempen) tak akan berlaku. Sebelum ini ada unsur kempen sudah bermula, tetapi kita

ambil langkah awal menyekat ia berterusan," katanya selepas merasmikan Majlis Dialog Bersama Ibu Bapa Untuk Anak-anak Angkat Yayasan SP Setia di Sekolah Kebangsaan Terentang, di sini, semalam.

Tak guna kempen kerana tiada pemilihan tahun depan... habiskan beras aje, jadi ia (kempen) tak akan berlaku"

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika mengumumkan keputusan MT itu Khamis lalu berkata, ia dasar biasa dan sudah dilaksanakan dua kali selum ini.

Keputusan melanjutkan tempoh pemilihan pucuk pimpinan parti kepada 18 bulan daripada September 2007 itu turut menimbulkan ramalan pilihan raya umum ke-12 akan diadakan tahun depan atau 2008.

Pemilihan pucuk pimpinan Umno diadakan tiga tahun sekali. Kali terakhir pemilihan parti diadakan 23 September 2004.

Di **MUAR**, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata ahli Umno yang mungkin membuat persiapan rapi bagi merebut jawatan dalam parti itu dinasihatkan tidak kecewa dengan keputusan MT.

Sebaliknya, beliau meminta mere-

ka turut serta membantu membela nasib rakyat dengan menjayakan program Pembangunan yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9) dan Bajet 2007.

Daripada membuang masa berkempen meraih sokongan merebut jawatan dalam parti, katanya, adalah lebih baik tumpuan diberikan kepada banyak perkara lebih penting yang perlu dilaksanakan sebelum pilihan raya umum akan datang.

"Keputusan MT menangguhkan pemilihan parti itu satu langkah bijak supaya kita tidak membuang masa berkempen sebaliknya menuntut kita memberi tumpuan pada komitmen yang lebih besar.

"Mungkin ada yang kecewa kerana sudah mengatur langkah, tetapi saya harap mereka tidak berkecil hati sebaliknya terus membantu program lebih penting untuk rakyat," katanya.